

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 17 JANUARI 2015 (SABTU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Cybersecurity Malaysia kesan data penting bantu mangsa banjir	Utusan Malaysia
2	Online Security Pact	New Straits Times
3	Jabatan Meteorologi kesan rebut Tropika Mekkhala di 1,154km Timur Laut Sandakan	Bernama.com

# Cybersecurity Malaysia kesan data penting bantu mangsa banjir

**KUALA LUMPUR 16 Jan.** - Cybersecurity Malaysia (Cybersecurity) disaran membuka pusat khidmat di setiap negeri yang dilanda banjir bagi mengesan kehilangan data penting yang disimpan dalam peranti digital oleh mangsa bencana.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, langkah itu merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang amat bermakna kepada mangsa banjir kerana ramai yang kehilangan data.

"Mungkin sekarang mereka tidak terfikir mengenainya kerana sibuk dengan masalah kehilangan



ABU BAKAR

tempat tinggal, kerosakan harta benda dan sesi persekolahan.

"Namun saya percaya dalam tempoh dua minggu lagi pasti mereka memerlukan khidmat mengesan data ini," katanya dalam sidang akhbar sempena Majlis Penghargaan Cybersecurity di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) kementerian, Dr. Zulkifli Mohamed Hashim; Pengerusi Cybersecurity, Jeneral (B) Tan Sri Mohd. Azumi Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity, Dr. Amirudin Abdul Wahab.

Abu Bakar berkata, khidmat teknikal yang diberikan itu perlu-

lah percuma, manakala bagi agensi atau jabatan-jabatan kerajaan, mereka perlu merujuk Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Sementara itu, beliau memberitahu pihaknya berhasrat membeli 30 unit mesin pembersih air yang menggunakan teknologi membran untuk digunakan di kawasan banjir bagi mengelakkan jangkitan kuman kepada penduduk.

"Mesin pelbagai guna itu merupakan kajian pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mendapat lebih 100 anugerah di peringkat global.

"Anggaran kos bagi satu mesin adalah RM400,000 dan ia boleh menampung keperluan antara 20,000 hingga 30,000 individu," katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (LIFE & TIMES) : MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 17 JANUARI 2015 (SABTU)**



*(From left) Mohd Shamir Hasim, Dr Amirudin Abdul Wahab, Datuk Wira Omar Kaseh, and Dr Suhazimah Dzazali.*

## ONLINE SECURITY PACT

**KUALA LUMPUR:** CyberSecurity Malaysia and Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (Mampu) signed a memorandum of understanding (MoU) in Kuala Lumpur recently. Both parties will work together for the next two years to improve the country's digital security. The areas of focus include cyber security incident management, digital forensics and governance, as well as risks and information security compliance.

Dr Amirudin Abdul Wahab, chief executive officer of CyberSecurity Malaysia and Datuk Wira Omar Kaseh, director-general of Mampu, signed on behalf of the agencies respectively.

**By Siti Syameen Md Khalili**



*(From left) Nur Azila Abdul Aziz, Ibrahim Ismail, Razlin Razali, Rini Yudesia Naswir and Sophia Hashim.*



*(From left) Johari Hashim, Amira Hamran, Fazlan Abdullah, and Mohammad Firdaus Norrzuhan.*



## Jabatan Meteorologi Kesan Ribut Tropika Mekkhala Di 1,154km Timur Laut Sandakan

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) mengesan ribut tropika kuat (Mekkhala), kira-kira 1,154 kilometer ke timur laut Sandakan, Sabah, pukul 5 pagi tadi.

Dalam amaran kategori ketiga, jabatan itu berkata ribut yang bergerak ke arah Barat-Barat Daya berkelajuan 15 kilometer sejam (kmsj) itu membawa angin kencang timur laut dengan kelajuan 60kmsj dan laut bergelora dengan ketinggian ombak melebihi 4.5 meter di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang dan Palawan dan dijangka berterusan sehingga Selasa (20 Jan).

Keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk pekerja di pelantar minyak, menurut satu kenyataan jabatan itu hari ini.

Berikutan itu, Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran kategori kedua dengan amaran angin kencang timur laut dengan kelajuan 50-60kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, Kuching, Labuan dan Sulu juga dijangka berterusan sehingga Selasa ini.

Keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Berikutan itu, jabatan itu juga mengeluarkan amaran untuk perairan di Malaysia bagi kategori kedua dengan angin kencang timur laut berkelajuan 50-60kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5m di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sarawak, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat) dan Wilayah Persekutuan Labuan juga berterusan sehingga Selasa ini.

Menurut jabatan itu, keadaan itu selain berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai juga akan menyebabkan kawasan pantai di kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut sehingga Isnin ini (19 Jan).

Berikutan keadaan itu, Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama yang dijangka berlaku di kawasan perairan Sabah (Sandakan).

Angin kencang Timur Laut berkelajuan 40-50 kmsj dengan ombak berketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berterusan sehingga Selasa (20 Jan) dan keadaan ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Sementara itu, jabatan itu turut menjangkakan ribut petir di perairan Sarawak (Kuching, Mukah dan Bintulu) sehingga lewat pagi ini yang disertai angin kencang berkelajuan 50-60 kmsj dan laut bergelora dengan ketinggian ombak sehingga 4.5m dan berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai.

Keadaan yang sama dijangka turut berlaku di perairan Selangor dengan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ketinggian ombak sehingga 3.5m.